

Tiada desakan Khairy jual saham: Abdullah

Tindakan bagi elak E C M Libra Avenue hadapi masalah

Oleh **Fazli Abdullah, Saufi Hamzah dan Mohd Anwar Patho Rohman**

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata menantunya, Khairy Jamaluddin menjual semua sahamnya di dalam ECM Libra Avenue Bhd kerana tidak mahu syarikat itu menghadapi masalah disebabkan kehadirannya.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan sendiri oleh Khairy, mengenai hasratnya menjual kepentingan dalam syarikat pelaburan dan broker saham itu.

"Khairy memberitahu, tindakannya itu kerana tidak mahu ECM Libra Avenue menghadapi masalah dengan kehadirannya sebagai pemegang saham yang kecil.

"Soal tindakan Khairy (menjual sahamnya), itu hak dia, syer dia punya, bukan saya punya, saya tidak ada apa-apa komen, dia pun hanya beritahu saja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang dan Bank Muamalat Malaysia Ber-

had cawangan Kepala Batas yang terletak di Kompleks Budi Penyayang di sini, semalam.

Ditanya keputusan Khairy menjual saham pada harga 65 sen sesaham, iaitu lebih rendah daripada 71 sen sesaham ketika membelinya, Abdullah berkata, itu adalah kepu-

*"Khairy
memberitahu,
tindakannya itu
kerana tidak mahu
ECM Libra Avenue
menghadapi
masalah dengan
kehadirannya
sebagai pemegang
saham yang kecil"*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tusan menantunya sendiri tanpa desakan mana-mana pihak.

"Biarlah dia ambil keputusan itu, dia memahami yang dia akan menghadapi kerugian," katanya.

Sementara itu, mengulas isu lain, Abdullah berkata, usaha membantu Melayu Pulau Pinang yang tidak mencukupi mungkin punca rasa tidak puas hati Pemuda Umno terhadap kerajaan Pulau Pinang yang diterajui Gerakan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, adalah tidak benar dakwaan kerajaan negeri yang diterajui Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, langsung tidak membantu Melayu di negeri itu.

"Bantuan ada tetapi mungkin tak sepenuhnya seperti diharapkan masyarakat Melayu di Pulau Pinang," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, menggesa kerajaan negeri mengambil kira cadangan yang disuarakan orang Melayu.

Katanya, antara perkara yang sering timbul dalam memperkatakan isu Melayu Pulau Pinang ialah pem-

angunan tanah wakaf yang masih tidak dapat dilakukan.

Sebagai penyelesaian, Abdullah berkata, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM40 juta bagi pembangunan tanah wakaf di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang.

"Tanah wakaf itu bernilai tinggi dan boleh digunakan untuk pembangunan yang mendatangkan hasil ekonomi yang lebih baik," katanya.

Menyentuh isu sama, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata mungkin ada perkara yang terbuku di hati Pemuda sehingga menyebabkan mereka menentangkan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

"Kalau isu hanya usul mengenai kedudukan Ketua Menteri jadi pertimbangan, saya rasa tak ada isu dah tapi yang penting apa sebabnya isu ini diketengahkan dan dibincangkan oleh Pemuda' dan Umno di Pulau Pinang," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Bagan 2006 di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini, semalam.